



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN PERASMIAN

YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA

SEMPENA
MAJLIS IFTAR PERDANA
NGO FAMILY OF CHARITY

26 MAC 2025 (RABU)
5.00 PETANG

PPR HILIRAN AMPANG MULTIPURPOSE BUILDING,
AMPANG, TITIWANGSA, 68000 KUALA LUMPUR

PENDAHULUAN

1. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi kepada Persatuan Sinaran Hidup serta semua rakan strategik di atas penganjuran **Majlis Iftar Perdana NGO Family Of Charity** pada hari ini.
2. Saya turut bersyukur kerana pada petang ini dapat bersama-sama berbuka puasa serta dapat **menyampaikan sumbangan kepada para asnaf, golongan Orang Kurang Upaya, ibu tunggal dan golongan rentan.**
3. Program seumpama ini adalah sebahagian daripada aktiviti yang bermanfaat yang boleh mengukuhkan hubungan akrab serta memupuk perpaduan yang jitu sesama kita tanpa mengira bangsa dan agama. Saya percaya melalui program yang dianjurkan ini kita dapat membina tapak integrasi yang lebih kukuh dan seterusnya dapat mewujudkan satu masyarakat yang harmoni, aman dan sejahtera.
4. Selain itu, bagi membentuk negara yang bersatu padu, setiap daripada **kita harus memahami antara satu sama lain, menghormati dan menerima kepelbagaian yang ada.** Peribahasa “rambut sama hitam, hati lain-lain” jelas

menunjukkan walaupun manusia mempunyai warna rambut yang sama tetapi keinginan manusia adalah berbeza.

PERPADUAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Hadirin yang saya hormati sekalian,

5. **Perpaduan bukan hanya tanggungjawab kerajaan, tetapi ia adalah tanggungjawab bersama.** Oleh itu, saya ingin mengajak semua pihak ibu bapa, guru, pemimpin masyarakat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), dan pihak swasta untuk berganding bahu dalam menerapkan nilai perpaduan dalam kehidupan seharian.
6. **Keluarga adalah institusi pertama yang membentuk nilai dan pemikiran generasi muda.** Ibu bapa perlu menjadi contoh dalam menanamkan nilai-nilai murni, seperti sikap hormat-menghormati dan tolak ansur, dalam diri anak-anak sejak kecil.
7. Saya menyeru agar semua pihak berperanan dalam memupuk nilai **kesederhanaan (wasatiyyah)** dalam kalangan generasi muda. Nilai ini penting dalam membentuk sikap keterbukaan, toleransi, dan saling menghormati antara satu sama lain. Dengan adanya sikap

sederhana ini, kita dapat memastikan bahawa masyarakat kita tidak mudah terpengaruh oleh elemen-elemen ekstremisme yang boleh merosakkan keharmonian negara.

8. Sebagai rakyat Malaysia, kita harus terus berusaha untuk memperkukuhkan keharmonian negara. Marilah kita sama-sama **menolak segala bentuk ekstremisme, perkauman sempit, dan sikap fanatik yang boleh merosakkan keamanan** yang kita nikmati hari ini.

PENUTUP

9. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada penganjur bersama Family of Charity (Persatuan Sinaran Hidup) serta rakan-rakan kerjasama strategik **Yayasan Taqwa, Mohd Chan Group, Two Sons Bistro, Yakult, Adabi, KK Mart Sdn Bhd, Bio Care Sdn Bhd, dan Koka Glico Sdn Bhd.**
10. Sebelum saya mengakhiri ucapan, izinkan saya mengambil peluang ini mengucapkan **Selamat Hari Raya Aidil Fitri**, maaf zahir dan batin kepada semua yang hadir pada petang ini.

Sekian, terima kasih.